



GARIS PANDUAN

PEMBANGUNAN, PENAWARAN & PEMINDAHAN KREDIT MOOC

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



ISI KANDUNGAN

PENYUMBANG	3
PENGHARGAAN.....	4
2 PENGENALAN	5
2.1 Tujuan Garis Panduan	5
2.2 Skop Garis Panduan dan Penggunaannya	5
3 GARIS PANDUAN JAMINAN KUALITI MOOC: GaPP 01	6
3.1 PENGENALAN.....	6
3.2 JAMINAN KUALITI PEMBANGUNAN UTM-MOOC.....	6
3.3 JAMINAN KUALITI PENAWARAN UTM-MOOC	7
3.4 JAMINAN KUALITI PINDAH KREDIT MOOC.....	8
4 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MOOC: GaPP 02	9
4.1 PENGENALAN.....	9
4.2 PERANAN PEMBANGUN MOOC ATAU SUBJECT MATTER EXPERT (SME)	9
4.3 PERANAN UTMLEAD.....	9
5 GARIS PANDUAN PENAWARAN UTM-MOOC: GaPP 03	11
5.1 PENGENALAN.....	11
5.2 PERANAN SME	11
5.3 PERANAN UTMLEAD.....	12
5.4 PERANAN FAKULTI	13
5.5 PERANAN BENDAHARI UTM	14
6 GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT UTM-MOOC: GaPP 04.....	16
6.1 PENGENALAN.....	16
6.2 PENGURUSAN PEMINDAHAN KREDIT.....	17
6.3 KRITERIA PENGANUGERAHAN PEMINDAHAN KREDIT MOOC.....	18
6.4 PROSES PEMINDAHAN KREDIT MOOC.....	19
6.5 KADAR YURAN PEMROSESAN PEMINDAHAN KREDIT.....	21
LAMPIRAN.....	23
SENARAI SEMAK JAMINAN KUALITI PEMBANGUNAN MOOC	24
PROSES JAMINAN KUALITI PEMBANGUNAN MOOC DI UTM	32
ANGGARAN PENGIRAAN MASA YANG DIPERUNTUKAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN SESUATU MOOC.....	33
SENARAI SEMAK PINDAH KREDIT MOOC (UNTUK KEGUNAAN PEMOHON).....	34
SENARAI SEMAK PEMOHON BAGI PINDAH KREDIT MOOC (UNTUK KEGUNAAN FAKULTI/PTJ)	35
RUJUKAN	36
7 GLOSARI	37

PENYUMBANG

Adibah Abdul Latif

Noor Azean binti Atan

Norah binti Md Noor

Nurbiha binti A. Shukor

Sanitah binti Mohd Yusof

Zaleha binti Abdullah

Sekolah Pendidikan

Che Ros bin Ismail

Norhidayah Abdul Hassan

Liew Wai Loan

Sekolah Kejuruteraan Awam

Dayang Norhayati binti Abang Jawawi

Nor Bahiah bt Ahmad

Sarina binti Sulaiman

Sekolah Komputeran

Mohd Zaki bin Kamsah

Sekolah Kejuruteraan Kimia

Muhammad Mun'im bin Ahmad Zabidi

Naziha binti Ahmad Azli

Sharifah Kamilah binti Syed Yusof

Sekolah Kejuruteraan Elektrik

Sarajul Fikri bin Mohamed

Fakulti Alam Bina dan Ukur

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnianya, Garis Panduan Panduan Pembangunan, Penawaran, dan Pemindahan Kredit *Massive Open Online Course* (MOOC) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah dapat disiapkan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan terima kasih kepada UTMLead, Jawatankuasa MOOC UTM, Pusat Tanggungjawab lain yang terbabit, dan Ahli Majlis Ketua-Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) yang terlibat dalam melontarkan idea untuk menghasilkan Garis Panduan ini. Garis Panduan ini disediakan untuk membantu pelaksanaan dan pengurusan pemindahan kredit MOOC yang menjadi antara fokus utama UTM bermula tahun 2015. Penawaran kursus melalui MOOC di UTM mendukung halatuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] dalam usaha untuk menyediakan pendidikan tinggi yang fleksibel, selaras dengan perubahan landskap pendidikan global.

Adalah diharapkan Garis Panduan ini dapat membantu warga UTM untuk melaksanakan kurikulum fleksibel dengan lebih baik dan teratur dalam usaha mencapai hasrat UTM untuk melahirkan graduan yang inovatif, berdaya saing, dan global.

Prof. Dr. Zainuddin bin Abd Manan
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

2 PENGENALAN

UTMLead, di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah diberi tanggungjawab untuk membantu staf akademik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam membangun dan menawar *Massive Open Online Courses* (MOOC).

MOOC merupakan satu inovasi pembelajaran di mana akses terhadap kursus yang ditawarkan adalah secara terbuka dan atas talian. Penawaran kursus MOOC adalah secara besar-besaran yang merangkumi sehingga ratusan ribu pelajar dalam satu-satu masa. Kursus-kursus yang dijalankan juga tidak terikat dengan masa, di mana setiap pelajar boleh mengakses pendidikan di mana-mana tanpa mengira jurang waktu dan tempat.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memulakan pelaksanaan MOOC di Malaysia dengan kerjasama dua puluh universiti awam termasuk UTM. Maka, garis panduan ini disediakan untuk membantu UTM membangunkan dan menawarkan MOOC secara lebih sistematik. Selain itu, panduan bagi pemindahan kredit MOOC juga disertakan untuk menggalakkan mobiliti pelajar. Mobiliti pelajar bermaksud pelajar dibenarkan mengambil beberapa kursus yang setara hasil pembelajarannya dengan kursus yang ditawarkan di universiti selain universiti asal iaitu sama ada universiti dalam negara (Universiti Awam, UA, Universiti Swasta, US) atau Universiti Luar Negara (ULN).

2.1 Tujuan Garis Panduan

Tujuan Garis Panduan ini adalah bagi memberi panduan kepada pembangunan dan penyampaian MOOC di kalangan staf, mengawal jaminan kualiti MOOC yang ditawarkan, menyokong dan mengiktiraf penawaran kursus secara terbuka di UTM, dan menggalakkan pembelajaran secara fleksibel, terbuka dan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar.

2.2 Skop Garis Panduan dan Penggunaannya

Garis Panduan ini harus dibaca bersama-sama dengan penerbitan-penerbitan berikut dan mana-mana penerbitan yang berkaitan pada masa akan datang:

1. Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia (GPPPM)
2. Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016)
3. Garis Panduan Amalan Terbaik : Akreditasi Pengalaman Pembelajaran untuk Penganugerahan Kredit (APEL C) (MQA, 2016).
4. Dasar Pindah Kredit dan Pengecualian Kursus UTM (QRiM, 2017)
5. Polisi Pengajaran dan Pembelajaran UTM (UTM, 2005)
6. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah (UTM, 2011)
7. Peraturan Akademik Sarjana Muda Sepenuh Masa UTM

3 GARIS PANDUAN JAMINAN KUALITI MOOC: GaPP 01

3.1 PENGENALAN

- 3.1.1 Jaminan Kualiti MOOC merangkumi proses pembangunan MOOC, penawaran MOOC dan pindah kredit MOOC bagi mewujudkan keyakinan bahawa kualiti MOOC yang ditawarkan oleh Universiti sentiasa terpelihara, dipertingkatkan dan memenuhi standard yang ditetapkan.
- 3.1.2 Audit dalaman bagi MOOC yang dibangunkan dijalankan di peringkat Universiti selaras dengan Garis Panduan Pembangunan MOOC Malaysia (2016) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penilaian dilakukan oleh barisan panel yang dilantik oleh UTMLead. Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (UTM QRiM) pula akan melaksana audit pematuhan dan perlaksanaan pindah kredit MOOC bagi setiap Fakulti.
- 3.1.3 Penilaian Audit Luaran dilakukan oleh Malaysia e-Learning Center melalui pegawai yang dilantik secara berkala kepada mana-mana MOOC terpilih.

3.2 JAMINAN KUALITI PEMBANGUNAN UTM-MOOC

MOOC yang telah siap dibangunkan hendaklah disemak bagi memastikan kualiti MOOC di UTM terjamin. Perkara berikut hendaklah dijadikan panduan bagi jaminan kualiti pembangunan MOOC.

3.2.1 Peranan Pembangun MOOC atau Subject Matter Expert (SME)

Proses jaminan kualiti pembangunan MOOC di UTM ditunjukkan dalam Lampiran B. SME dan UTMLead bertanggungjawab untuk memastikan MOOC yang dibangunkan adalah berkualiti. Berikut adalah tanggungjawab SME bagi jaminan kualiti pembangunan MOOC:

- 3.2.1.1 Pembangun MOOC (Subject Matter Expert, SME) hendaklah menilai MOOC yang telah dibangunkan secara sendiri dan berkala berdasarkan Senarai Semak Jaminan Kualiti Pembangunan MOOC (rujuk Lampiran A) sehingga MOOC dibangunkan dengan lengkap.
- 3.2.1.2 SME bertanggungjawab memastikan semua bahan dalam UTM-MOOC adalah milik SME dan UTM dan tidak mengandungi mana-mana pemilik hak cipta pihak ketiga (iaitu individu, atau organisasi yang tidak bergabung dengan UTM) dan dilindungi oleh undang-undang Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) - Akta Hakcipta 1987.
- 3.2.1.3 SME melesenkan kandungan dan bahan yang berkaitan dengan UTM-MOOC di bawah lesen Creative Commons. Pengguna tidak boleh menjual, mengaut keuntungan dari, atau mengkomersilkan bahan-bahan UTM-MOOC. UTM mengguna pakai tiga lesen berikut:

- a. *Attribution* (BY)
- b. *Non-commercialize* (NC)
- c. *Share Alike* (SA)

Logo *Creative Commons* yang perlu dipaparkan pada MOOC milik UTM adalah seperti berikut:



(<https://creativecommons.org>)

- 3.2.1.4 SME memastikan MOOC mereka tidak mengumpul maklumat peribadi mengenai pengguna melainkan pihak tersebut secara sukarela memberikannya. Sekiranya pengguna secara sukarela memberikan alamat e-mel atau maklumat hubungan secara sukarela, UTM mungkin menggunakannya untuk memaklumkan kepada pengguna tentang sebarang perubahan kepada UTM-MOOC, untuk meninjau mengenai penggunaan atau mendapatkan pendapat daripada pengguna.

3.2.2 Peranan UTMLead

UTMLead memainkan peranan untuk memastikan pembangunan MOOC dijalankan melalui proses dan prosedur yang betul. Berikut adalah peranan UTMLead:

- 3.2.2.1 Memastikan MOOC yang telah dibangunkan dinilai oleh panel penilai menggunakan senarai semak dalam Lampiran A.
- 3.2.2.2 Memantau proses pembangunan MOOC di UTM melalui prosedur yang ditetapkan dalam Lampiran B.
- 3.2.2.3 Menyemak bahan dan kandungan MOOC yang dibangunkan secara berkala bagi memastikan kualiti MOOC yang dibangunkan terjamin.

3.3 JAMINAN KUALITI PENAWARAN UTM-MOOC

Semasa MOOC ditawarkan, SME hendaklah memastikan kualiti MOOC menepati beberapa kriteria.

3.3.1 Peranan Pembangun MOOC atau Subject Matter Expert (SME)

- 3.3.1.1 Memantau dan menyelenggara kandungan pembelajaran semasa penawaran MOOC (sekiranya perlu).
- 3.3.1.2 Memastikan fasilitator atau instruktur MOOC menjalankan tugas masing-masing (jika berkaitan).
- 3.3.1.3 Memantau aktiviti pelajar yang berpotensi untuk memohon pemindahan kredit MOOC.

3.3.1.4 Sekiranya mod penawaran MOOC adalah dalam durasi tertentu, SME hendaklah memastikan durasi yang ditetapkan adalah sesuai dengan Student Learning Time (SLT) bagi kursus yang ditawarkan.

3.3.1.5 SME tidak boleh menutup kursus semasa penawaran MOOC tanpa makluman kepada pihak UTMLead terlebih dahulu.

3.3.2 Peranan UTMLead

3.3.2.1 Memantau proses penawaran MOOC.

3.3.2.2 Mengeluarkan amaran bertulis kepada SME yang tidak menyelenggara MOOC dalam tempoh dua (2) tahun.

3.3.2.3 Mengeluarkan arahan bertulis untuk menutup MOOC kepada SME yang tidak menyelenggara MOOC setelah amaran bertulis dikeluarkan.

3.4 JAMINAN KUALITI PINDAH KREDIT MOOC

Pemohon yang memenuhi kriteria permohonan pindah kredit MOOC seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE,2016), Peraturan Akademik Siswazah UTM dan Peraturan Akademik Pra Siswazah layak memohon kepada Fakulti untuk memperoleh pindah kredit MOOC.

3.4.1 Peranan Fakulti

Berikut adalah peranan fakulti bagi jaminan kualiti pindah kredit MOOC.

3.3.2.4 Fakulti perlu menjalankan proses pindah kredit MOOC secara telus dan sistematik.

3.3.2.5 Fakulti perlu menyediakan *Standard Operating Procedure* yang sesuai bagi memudahkan permohonan pindah kredit MOOC oleh pemohon.

3.3.2.6 Pemohon berhak kepada Fakulti untuk membuat rayuan bagi proses pindah kredit yang tidak diluluskan.

3.3.2.7 Pentaksiran secara bersemuka (onsite verification) diadakan secara telus dan adil kepada semua pemohon.

4 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MOOC: GaPP 02

4.1 PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membangunkan Garis Panduan Pembangunan MOOC Malaysia, GPPMM (2016). Walau bagaimanapun, garis panduan berikut perlu turut diambil kira bagi pembangunan MOOC di peringkat UTM:

- 4.1.1 Semua permohonan untuk membangunkan MOOC di UTM hendaklah dibuat secara bertulis kepada UTMLead untuk didaftarkan di bawah akaun institusi UTM-MOOC.
- 4.1.2 Hanya pembangunan MOOC di bawah akaun institusi UTM-MOOC boleh didaftarkan di bawah MOOC Malaysia.
- 4.1.3 Hakcipta bagi semua bahan pembelajaran yang dibangunkan bagi MOOC adalah milik UTM.
- 4.1.4 Hanya MOOC yang didapati memenuhi kriteria Kualiti Pembangunan MOOC UTM dan GPPMM (2016) boleh mendaftar di MOOC Malaysia.

4.2 PERANAN PEMBANGUN MOOC ATAU SUBJECT MATTER EXPERT (SME)

- 4.2.1 Subject Matter Expert (SME) adalah digalakkan untuk membangunkan MOOC yang merujuk kepada bidang tujahan UTM iaitu Kejuruteraan dan Teknologi.
- 4.2.2 SME adalah digalakkan untuk membangunkan MOOC dengan kerjasama industri.
- 4.2.3 SME perlu menyemak senarai kursus yang telah ditawarkan secara MOOC di UTM supaya tidak terdapat pertindihan kursus yang sama di bawah akaun institusi UTM-MOOC.
- 4.2.4 SME hendaklah menghadiri bengkel pembangunan MOOC anjuran UTMLead bagi membangunkan MOOC.
- 4.2.5 SME perlu membuat penilaian sendiri terhadap MOOC yang telah dibangunkan bagi mengenalpasti progres pembangunan MOOC.

4.3 PERANAN UTMLEAD

- 4.3.1 UTMLead bertanggungjawab merekodkan MOOC yang telah dibangunkan di UTM.
- 4.3.2 UTMLead perlu menilai kesesuaian platform MOOC yang digunakan oleh UTM.
- 4.3.3 UTMLead perlu menyediakan bengkel pembangunan MOOC secara berterusan sehingga MOOC yang lengkap dapat dibangunkan.

- 4.3.4 UTMLead bertanggungjawab memberi sokongan kepakaran kepada SME semasa pembangunan MOOC.
- 4.3.5 UTMLead perlu melantik barisan panel penilai untuk menilai kualiti MOOC yang telah dibangunkan sebelum ditawarkan kepada pelajar.

5 GARIS PANDUAN PENAWARAN UTM-MOOC: GaPP 03

5.1 PENGENALAN

Penawaran MOOC dilakukan supaya pelajar UTM dan pelajar lain dapat mengikuti kursus yang ditawarkan oleh UTM. UTM menawarkan dua(2) jenis sijil MOOC iaitu:

- a. Sijil Penyertaan (Certificate of Participation), dan
- b. Sijil Pencapaian (Certificate of Accomplishment).

- 5.1.1 Sijil Penyertaan adalah sijil yang diberikan secara percuma kepada pelajar yang berjaya melengkapkan keseluruhan aktiviti pembelajaran MOOC.
- 5.1.2 Sijil Pencapaian adalah sijil yang diberikan atas permintaan pelajar setelah pentaksiran pembelajaran MOOC dibuat secara atas talian. Sijil Pencapaian boleh diperoleh dengan kadar bayaran yang ditetapkan oleh UTM seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kadar bayaran Sijil Pencapaian MOOC

Universiti	Jenis MOOC	Kadar Harga Sijil per Jam Kredit
UTM	Pra Siswazah	RM 150
	Pasca Siswazah	RM 350

5.2 PERANAN SME

SME boleh berperanan sebagai instruktur MOOC semasa penawaran MOOC. SME dibenarkan untuk melantik fasilitator atau pentaksir dalam kalangan staf UTM yang berstatus aktif bagi membantu proses menyelia dan menyelenggara perjalanan kursus sepanjang penawaran MOOC. Berikut adalah peranan SME atau instruktur MOOC bagi penawaran MOOC:

- 5.2.1 Membuat pembahagian tugas kepada ahli kumpulan pembangun MOOC (jika ada).
- 5.2.2 Memaklumkan kepada Fakulti tentang kod kursus setara MOOC bagi tujuan rekod beban pengajaran MOOC.
- 5.2.3 Membuat persetujuan agihan pembayaran sijil secara bertulis kepada UTMLead (sekiranya sijil berbayar ditawarkan).
- 5.2.4 SME bertanggungjawab untuk menyediakan perjanjian secara bertulis jika SME melantik penilai atau fasilitator.
- 5.2.5 Memastikan agar tempoh/durasi penawaran MOOC telah ditetapkan.

- 5.2.6 Menetapkan mod penawaran MOOC (sama ada self-paced, atau berdurasi tertentu).
- 5.2.7 Menyemak dan mengesahkan status sijil MOOC yang ditawarkan (sama ada percuma atau pensijilan berbayar).
- 5.2.8 Memastikan pembahagian tugas kepada instruktur dan fasilitator bagi MOOC yang ditawarkan (sekiranya ada).
- 5.2.9 Melibatkan diri dengan interaksi bersama pelajar dalam MOOC secara berkala (sekurang-kurangnya sekali dalam (1) satu minggu) sehingga penawaran MOOC selesai.
- 5.2.10 Menyemak tugas dan aktiviti pelajar.
- 5.2.11 Menilai tugas pelajar.
- 5.2.12 Melaporkan maklumat pelajar yang ingin memohon pemindahan kredit MOOC (sekiranya ada) kepada Fakulti dan UTMLead.
- 5.2.13 Mengesahkan dan menyerahkan sijil tamat kursus MOOC kepada pelajar melalui sistem MOOC.
- 5.2.14 Sekiranya mod penawaran MOOC adalah dalam durasi tertentu, SME hendaklah memastikan semua pelajar dimaklumkan sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tamat tempoh penawaran MOOC.
- 5.2.15 SME bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada UTMLead sekiranya terdapat sijil pencapaian MOOC yang telah dibayar setelah pelajar menamatkan kursus.

5.3 PERANAN UTMLEAD

UTMLead bertanggungjawab untuk membantu penawaran MOOC seperti berikut:

- 5.3.1 Menyediakan dokumen persetujuan agihan bayaran dengan SME.
- 5.3.2 Memastikan Fakulti dan SME bersedia untuk penawaran MOOC.
- 5.3.3 Mengeluarkan surat makluman kelulusan penawaran kursus MOOC kepada SME dan Fakulti.
- 5.3.4 Membuat hebahan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum MOOC ditawarkan.
- 5.3.5 Mengemaskini status bilangan sijil berbayar yang diterima bagi setiap kohort penawaran daripada platform MOOC (contoh: OpenLearning Sdn Bhd).
- 5.3.6 Menyediakan dokumen kepada Bendahari bagi tujuan tuntutan kepada pihak platform MOOC.

- 5.3.7 Memberikan arahan kepada Bendahari untuk membuat agihan kepada pihak-pihak bertanggungjawab yang terlibat.

5.4 PERANAN FAKULTI

Fakulti turut terlibat dalam proses penawaran MOOC di UTM. Berikut adalah peranan Fakulti iaitu:

- 5.4.1 Menyemak beban kerja pensyarah/staf yang terlibat bagi pengajaran MOOC yang akan ditawarkan.
- 5.4.2 Memaklumkan kepada senarai kursus MOOC yang telah diluluskan di peringkat fakulti untuk penawaran.
- 5.4.3 Mendaftar kod kursus baharu di AMD atau UTMSPACE (jika ada).
- 5.4.4 Membantu menyebarkan luas maklumat MOOC yang ditawarkan.
- 5.4.5 Membantu promosi penawaran MOOC.
- 5.4.6 Menyenaraikan kursus MOOC yang ditawarkan oleh pensyarah yang terlibat dalam jadual kuliah pensyarah pada semester yang berkaitan.
- 5.4.7 Merekodkan beban pengajaran MOOC oleh pensyarah dengan nilai kredit yang diperoleh (*teaching equivalent*) seperti berikut dalam Jadual 2. Pengajaran berkredit terhadap kursus di bawah kategori kemahiran hanya boleh diberi apabila terdapat sekurang-kurangnya 400 penyertaan pelajar dan sekurang-kurangnya 30 orang pelajar berjaya melengkapkan keseluruhan MOOC (aktiviti dan tugas) yang ditawarkan. Syarat yang ditetapkan adalah seumpama Hadir wajib (HW). Syarat ini tidak dikenakan kepada kursus di bawah kategori umum dan tujuan. Kaedah pengiraan nilai kredit setara MOOC ditunjukkan dalam Lampiran C.

Jadual 2. Kategori pengiktirafan beban kredit pengajaran MOOC bagi pensyarah

	Kursus MOOC	eLPPT pengajaran: Sub komponen 1	eLPPT pengajaran: Sub Komponen 2	Nilai kredit
a.	Kursus umum	✓		• Pengiraan kredit yang sama seperti pengkuliah
b.	Kursus tujuan (nic)	✓		
c.	Kursus kemahiran		✓	• 2 kredit

5.5 PERANAN BENDAHARI UTM

Bendahari UTM turut mempunyai peranan semasa penawaran MOOC seperti berikut:

- 5.5.1 Membuat tuntutan bayaran kepada pihak penawar platform MOOC (contoh: Open Learning/Coursera/Future Learn dan lain-lain) bagi setiap kohort.
- 5.5.2 Mengagihkan bayaran sijil berbayar kepada pemegang taruh yang terlibat berdasarkan peratus pembahagian yang telah dipersetujui.
- 5.5.3 Bagi setiap pembayaran yang diterima bagi satu sijil Pencapaian, Bendahari UTM perlu membuat agihan pembayaran kepada Pembangun MOOC (SME), Fakulti, dan UTM seperti ditunjukkan dalam Jadual 3(a). Manakala Jadual 3(b) menunjukkan kadar harga sijil MOOC UTM tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.
- 5.5.4 Contoh agihan pembayaran dalam Jadual 3(a) dirujuk sekiranya MOOC ditawarkan atas pelantar Open Learning.
- 5.5.5 Bagi baki 85% agihan yang diperolehi oleh Universiti, Bendahari perlu membuat agihan kepada pemegang taruh lain mengikut peratus yang ditetapkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4 tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Jadual 3(a). Agihan Pembayaran Sijil Pencapaian MOOC kepada Pemegang Taruh

Pemegang Taruh	Peratus Agihan (%)
UTM	85
Platform MOOC (contoh: Open Learning)	15
Jumlah	100

Jadual 3(b). Kadar Bayaran Sijil MOOC UTM

Status Pelajar	Kadar Bayaran 1 Kursus Sijil MOOC per Jam Kredit	Contoh Pengiraan Harga Sijil bagi 1 kursus MOOC 3 kredit
Pra Siswazah	RM 150	Bagi kursus setara 3 jam kredit, jumlah bayaran sijil MOOC UTM = RM 150 x 3 = RM 450
Pasca Siswazah	RM 350	Bagi kursus setara 3 jam kredit, jumlah bayaran sijil MOOC UTM = RM 350 x 3 = RM 1050

Jadual 4. Contoh Agihan Bayaran Kos Operasi Sijil Pencapaian MOOC

Subjek	Harga Sijil	Agihan Kos Operasi (%)	Jumlah Agihan, RM	Peranan	Peratus Agihan (%)	Jumlah Bayaran, RM
Pra Siswazah (3 jam kredit)	RM 450	85%	RM 315	SME	30	94.50
				Fasilitator MOOC (sekiranya ada)	10	31.50
				Penilai/Pentaksir MOOC (sekiranya ada)	15	47.25
				UTMLead	20	63.00
				Universiti	25	78.75
				JUMLAH	100	315.00

6 GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT UTM-MOOC: GaPP 04

6.1 PENGENALAN

Pindah kredit MOOC membolehkan jumlah kredit bagi kursus yang diikuti diambilkira dalam sebagai sebahagian daripada jumlah kredit untuk bergraduan tetapi tidak digunakan bagi pengiraan *Grade Point Average (GPA)/Cumulative Grade Point Average (CGPA)* bagi program yang diikuti. Pelajar aktif UTM boleh memohon untuk pindah kredit MOOC secara *horizontal* sekiranya mereka telah melengkapkan MOOC samada ditawarkan oleh UTM atau institusi lain (MoHE, 2016). Pindah kredit MOOC juga boleh berlaku secara *vertikal* dengan merujuk dokumen Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016) dan Garis Panduan Amalan Terbaik : Akreditasi Pengalaman Pembelajaran untuk Penganugerahan Kredit (APEL C) (MQA, 2016).

Proses pindah kredit MOOC adalah berdasarkan prosedur yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016). Garis panduan ini menerangkan pindah kredit MOOC secara *horizontal*. Bagi pelajar berstatus 'Aktif' di UTM, beberapa perkara tambahan perlu diambil kira oleh pelajar, SME, dan Fakulti dalam menguruskan proses pindah kredit MOOC secara *horizontal* iaitu:

- 6.1.1 Pemohon yang ingin memohon pindah kredit MOOC mempunyai status 'Pelajar Aktif' di UTM.
- 6.1.2 Pemohon boleh memilih pembelajaran dari mana-mana pelantar MOOC yang diiktiraf oleh UTM bagi tujuan pemindahan kredit MOOC iaitu Edx, Coursera dan FutureLearn. UTM juga berhak menentukan pelantar MOOC yang layak untuk pindah kredit MOOC dari semasa ke semasa.
- 6.1.3 Sijil MOOC yang digunakan untuk permohonan pindah kredit masih dalam tempoh sah laku lima (5) tahun dari tarikh permohonan.
- 6.1.4 Pelajar yang telah memperoleh *Certificate of Completion* dari mana-mana MOOC dan ingin melakukan Pindah Kredit MOOC perlu mengisi borang permohonan ujian pentaksiran secara (on-site verification) bersemuka di Fakulti masing-masing. Senarai semak bagi permohonan pindah kredit MOOC bagi pemohon boleh dirujuk dalam Lampiran D.
- 6.1.5 Pelajar dikehendaki membayar yuran pemprosesan permohonan Pindah Kredit MOOC di UTM bagi permohonan Pindah Kredit MOOC.
- 6.1.6 Kursus MOOC yang diambil hanya dibenarkan dipindah kredit secara Pindah Kredit MOOC sekali sahaja untuk satu kursus bagi sesuatu program. Pemohon perlu membuat pengesahan yang menyatakan bahawa dirinya tidak pernah memohon pindah kredit bagi sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) yang telah diperolehinya.
- 6.1.7 Jumlah maksimum bagi pindah kredit bagi pelajar pasca siswazah UTM adalah 50% daripada komponen kerja kursus program berkenaan. Sila rujuk Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UTM.

- 6.1.8 Permohonan pindah kredit MOOC bagi pelajar UTM perlu dibuat selewat-lewatnya sebelum/pada minggu ke-8 semester akademik.

6.2 PENGURUSAN PEMINDAHAN KREDIT

Bagi urusan pemindahan kredit MOOC secara *horizontal*, pihak yang terlibat di UTM adalah pemohon (pelajar), pembangun MOOC/SME/Pakar Bidang, Fakulti (Penyelaras Program, Timbalan Dekan Akademik/Dekan Fakulti), Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko, QRim dan UTMLead.

- 6.2.1 Peranan pihak yang terlibat bagi proses pindah kredit MOOC ditunjukkan dalam **Jadual 5**.

Jadual 5. Peranan Pihak yang Terlibat bagi Proses Pindah Kredit MOOC

Bil	Individu/Organisasi	Peranan
1.	Pemohon (Pelajar)	• Mengenalpasti kursus setara MOOC bagi tujuan pindah kredit dengan merujuk kepada fakulti. • Menyediakan keperluan pindah kredit MOOC berdasarkan Senarai Semak seperti dalam Lampiran D.
2.	Pakar Bidang	• Menyemak pemetaan Hasil Pembelajaran kursus. • Menyemak Student Learning Time. • Menyemak kesetaraan jumlah jam kredit MOOC.
3.	Penyelaras Program	• Menerima permohonan pemindahan kredit MOOC dari pemohon. • Menyemak dokumen permohonan. • Menyelaras pentaksiran secara bersemuka di peringkat Fakulti (sekiranya perlu).
4.	Timbalan Dekan Akademik/ Dekan Fakulti	• Mengesahkan pencapaian hasil pembelajaran. • Mengesahkan permohonan pindah kredit MOOC.
5.	Fakulti	• Memproses permohonan pemohon. • Mengesahkan identiti pemohon. • Menjalankan pentaksiran secara bersemuka (sekiranya perlu). • Menerima bayaran yuran pemindahan kredit MOOC.

		• Mengeluarkan sijil kelulusan pindah kredit MOOC. • Membuat agihan bayaran yuran pemindahan kredit MOOC kepada pemegang taruh.
6.	QriM	• Melaksana audit pematuhan dan pelaksanaan pindah kredit MOOC bagi setiap Fakulti.
7.	UTMLead	• Menyimpan rekod pindah kredit MOOC bagi setiap Fakulti.

6.3 KRITERIA PENGANUGERAHAN PEMINDAHAN KREDIT MOOC

- 6.3.1 Penganugerahan pemindahan kredit MOOC secara *horizontal* hendaklah diproses di peringkat Fakulti.
- 6.3.2 Panel fakulti yang terdiri daripada Pakar Bidang atau SME dan Penyelaras Program hendaklah memastikan pemindahan kredit MOOC memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MQA, 2017).
- 6.3.3 Fakulti perlu memastikan kualiti MOOC, keperluan kandungan kursus dan kesetaraan kredit, pengesahan identiti pemohon dan pengesahan pencapaian hasil pembelajaran hendaklah dipenuhi bagi membolehkan penganugerahan pemindahan kredit.
- 6.3.4 Pengesahan pencapaian hasil pembelajaran hendaklah dijalankan oleh Fakulti. Pemetaan hasil pembelajaran MOOC mesti mempunyai minimum kesetaraan dengan kursus sedia ada sebanyak 80%.
- 6.3.5 Pemohon yang tidak mempunyai sijil *online verified course completion* hendaklah menduduki pentaksiran MOOC secara bersemuka (*onsite proctoring*) yang dijalankan oleh Fakulti.
- 6.3.6 *Online verified course completion* yang diiktiraf oleh UTM hanya dari edX, Coursera, atau/dan FutureLearn.
- 6.3.7 Fakulti bertanggungjawab untuk mengesahkan identiti pemohon semasa ujian pentaksiran MOOC secara bersemuka (*onsite proctoring*) sekiranya pelajar tidak mempunyai bukti *online proctoring* dari platform MOOC yang diiktiraf oleh UTM.
- 6.3.8 Sekiranya pemohon dapat menyediakan bukti dokumen *online proctoring*, Fakulti boleh terus menawarkan pemindahan kredit.
- 6.3.9 Pemohon yang hanya mengemukakan *online verified course completion* (hanya memperoleh *Certificate of Completion*) hendaklah ditaksir semula di peringkat Fakulti.
- 6.3.10 Pemohon yang tidak dapat menyediakan bukti online proctoring ATAU onsite verified course completion, hendaklah menyediakan sebarang bukti penglibatan dan kejayaan melengkapkan MOOC (seperti *Honour Code Certificate*, Penyataan Pencapaian, dan lain-lain).

- 6.3.11 Pemohon diberi status lulus *onsite proctoring* (pentaksiran secara bersemuka) sekiranya memperoleh pencapaian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6. Gred Lulus bagi *Onsite Proctoring*

Tahap	Minimum Gred Lulus
Pra Siswazah	C
Pasca Siswazah	B

- 6.3.12 *Onsite proctoring* (pentaksiran secara bersemuka) boleh dijalankan oleh Fakulti menggunakan jenis-jenis pentaksiran yang berikut:

- Pentaksiran berbentuk Lisan.
- Pentaksiran Bertulis.
- Pentaksiran Produk.
- Pentaksiran Prestasi.

- 6.3.13 Pemohon boleh mengemukakan bukti pembelajaran seperti berikut:


- Portfolio,
- Rakaman Video,
- Dokumen,
- Model,
- Prototaip,

